

# Tahap Perancangan, Pelaksanaan, Penerimaan dan Masalah Guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

Muhammad Zikry Najmi Zulhaimi, Hasnalee Tubah dan Tay Yong Choo

**Abstract –** Pelaksanaan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) menjadi suatu pembaharuan dalam sistem pendidikan negara terutamanya dalam bidang pentaksiran di sekolah rendah. Justeru, kajian ini berbentuk kajian tinjauan untuk mengenal pasti tahap perancangan, pelaksanaan, penerimaan dan masalah guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA dengan berdasarkan kerangka Model Penilaian Konteks, Input, Proses dan Produk (CIPP) yang dipelopori oleh Stufflebeam (1971). Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik bagi mendapatkan data kuantitatif sebagai data utama dengan melibatkan sampel seramai 135 orang daripada 150 orang guru Bahasa Melayu Tahap Dua di 28 buah sekolah rendah sekitar daerah Kuching, Sarawak. Selain itu, kajian ini juga menggunakan instrumen temu bual separa berstruktur bagi mendapatkan data kualitatif sebagai data sokongan dengan melibatkan sampel seramai tiga orang guru Bahasa Melayu Tahap Dua di tiga buah sekolah rendah sekitar daerah Kuching, Sarawak. Data bagi kedua-dua instrumen ini dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif (min dan sisihan piawai) melalui perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 20 dan analisis tematik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa skor min yang tinggi dari segi tahap perancangan dan pelaksanaan ( $Min = 4.37$ ,  $SP = 0.59$ ) dan tahap penerimaan ( $Min = 3.83$ ,  $SP = 0.83$ ). Kajian ini juga mendapati beberapa masalah yang kian berlaku sepanjang pelaksanaan UASA dan perlu ditambah baik, iaitu dari segi sistem pelaksanaan, beban tugas guru dan motivasi murid.

**Keywords –** UASA, guru Bahasa Melayu Tahap Dua, tahap perancangan dan pelaksanaan, tahap penerimaan, masalah

## I. PENGENALAN

Dalam dunia pendidikan, bentuk pentaksiran yang sering dilaksanakan di sekolah ialah pentaksiran formatif dan sumatif. Berdasarkan pandangan Rayment (2016), pentaksiran sumatif ialah satu pentaksiran dalam bentuk peperiksaan bagi mengukur tahap pencapaian murid pada MM akhir sesuatu pengajaran dengan ditadbir oleh pihak sekolah atau lembaga peperiksaan luar. Sebelum ini, tujuan utama pelaksanaan sesuatu pentaksiran sumatif adalah untuk membandingkan pencapaian murid serta menilai status dan potensi murid (Veloo & Hashim, 2016). Disebabkan itu, alat pengukuran yang digunakan dalam

Muhammad Zikry Najmi Zulhaimi, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang, (Email address: zikrynjmi0147@gmail.com).

Hasnalee Tubah, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang, (Email address: hasnaleetubah1511@gmail.com).

Tay Yong Choo, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang, (Email address: yongchoo0109@gmail.com).

pentaksiran sumatif adalah dengan penskoran secara gred serta merupakan bentuk pentaksiran yang mendominasi dunia pendidikan pada masa kini (Hussin, 2019). Misalnya, pentaksiran sumatif secara berpusat di Malaysia seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), manakala pentaksiran sumatif secara berterusan seperti peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun.

Pada 28 April 2021, keputusan tentang pemansuhan UPSR yang diumumkan oleh mantan Menteri Kanan Pendidikan Malaysia, Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin telah mencetuskan pelbagai tanggapan dan reaksi dalam kalangan guru, ibu bapa dan murid. Untuk itu, UASA telah menjadi suatu pembaharuan dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) khususnya melalui pelaksanaan pentaksiran sumatif di sekolah rendah bagi menggantikan UPSR. Berdasarkan pandangan Abdullah et al. (2015), hasil suatu transformasi pendidikan yang dilaksanakan bergantung kepada faktor pelaksana pentaksiran, iaitu guru di sekolah. Hal ini kerana sesuatu paradigma tidak dapat diperoleh sekiranya masih terdapat guru yang tidak yakin dengan penerimaan perubahan (Abdullah, 2012). Justeru, kajian ini dijalankan bagi meninjau tahap perancangan, pelaksanaan, penerimaan dan masalah guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA yang baru diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

## II. PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan kenyataan Sani (2023), pelaksanaan UASA telah menyebabkan kebanyakan guru di sekolah terpaksa mengajar secara “*Touch n Go*” sahaja. Hal ini kerana guru perlu mengejar tempoh pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang telah diperuntukkan untuk memastikan segala topik pembelajaran dapat diselesaikan sebelum UASA bermula. Walaupun pihak sekolah telah diberikan kebebasan untuk mentadbir UASA pada bila-bila masa dengan berdasarkan tempoh yang ditetapkan dalam jadual kerja UASA, namun masalah ini masih lagi berlaku sehingga telah menyebabkan guru tidak dapat menjalankan proses PdP secara sistematik dan berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) yang telah disediakan.

Tambahan pula, perkara yang paling membimbangkan guru ialah murid yang lemah dalam proses pembelajaran tidak mampu menguasai segala topik pembelajaran dan kemahiran bahasa dengan baik serta dapat mendatangkan kesan kepada mereka untuk menjawab item UASA. Situasi ini juga amat bertentangan dengan pandangan Balanadam dan Jamaluddin (2021) yang menyatakan bahawa pemahaman konseptual Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah

rendah perlu diberikan perhatian dengan lebih mendalam oleh guru. Dapatan kajian Nahar (2020) juga membuktikan bahawa punca kemerosotan prestasi akademik murid adalah kerana ketidaklancaran dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Di samping itu, kenyataan daripada Radi (2023) pula menyatakan bahawa item UASA yang dibina adalah sangat sukar. Perkara ini adalah kerana instrumen UASA hanya menguji tahap kognitif murid sahaja walaupun nisbah aras kesukaran instrumen bagi mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah sebanyak 5 : 3 : 2 (rendah : sederhana : tinggi) (KPM, 2022a). Bukan itu sahaja, masalah ini juga seolah-olah telah mengembalikan semula UPSR yang lebih berfokus kepada domain kognitif sahaja serta bertentangan dengan prinsip utama UASA yang ingin memberi gambaran perkembangan murid secara holistik (KPM, 2022b).

Hal ini juga telah menyebabkan guru terpaksa kembali kepada kaedah pengajaran tradisional dengan melakukan kaedah hafalan dan latih tubi terutamanya bagi pengajaran tatabahasa, pemahaman petikan, penulisan perenggan dan karangan. Hal ini adalah untuk memastikan setiap murid dapat didedahkan dengan format pentaksiran UASA Bahasa Melayu dan menguasai teknik menjawab pentaksiran secara lebih baik. Bagi murid yang lemah dalam pembelajaran, ini akan menyebabkan motivasi mereka lebih merudum kerana mempunyai tahap kognitif yang rendah dan tidak dapat menjawab item. Oleh sebab itu, Lambri dan Mahamod (2015) menyatakan bahawa pengajaran tradisional mampu menyebabkan proses PdP Bahasa Melayu menjadi kurang menarik dan membosankan serta menjaskas pencapaian murid.

### III. TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur yang berkaitan dengan pemansuhan UPSR dan pelaksanaan PBD dapat diteliti menerusi kajian Ariffin dan Arumugham (2021), iaitu “Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah: Satu Tinjauan dalam Kalangan Guru Besar”. Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual separa berstruktur bagi memperoleh data kuantitatif dan kualitatif. Dari segi persampelan pula, seramai 168 orang guru besar telah dipilih secara rawak dari seluruh Malaysia untuk dijadikan sebagai sampel kajian soal selidik serta seramai 60 orang guru besar dari tiga buah negeri yang berbeza, iaitu dari negeri Kedah, Perak dan Selangor juga dipilih sebagai sampel kajian temu bual separa berstruktur.

Dari segi prosedur penganalisisan data pula, kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk mendapatkan tahap penerimaan responden terhadap pelaksanaan UPSR serta analisis tematik untuk menganalisis faktor utama penolakan pelaksanaan PBD. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 95.83% responden kurang bersetuju dengan pemansuhan UPSR. Tambahan pula, kebanyakan informan juga kurang bersetuju terhadap pelaksanaan PBD di sekolah dengan berdasarkan empat faktor utama, iaitu dari segi perubahan kurikulum, pertimbangan profesional, penjaminan kualiti dan pelaksanaan pentaksiran formatif dan sumatif.

Rangkumannya, dapatan ini juga menunjukkan penerimaan pemimpin sekolah terhadap pelaksanaan PBD masih berada pada tahap rendah dan UPSR masih menjadi suatu keperluan.

Melalui dapatan tinjauan literatur tersebut, hal ini juga membuka peluang kepada pengkaji untuk membuat kajian lanjutan terhadap pelaksanaan UASA terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Dengan lebih terperinci, pengkaji akan meneliti tahap penerimaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA kerana ujian tersebut dianggap telah menggantikan UPSR sebagai suatu pentaksiran sumatif dan melihat perbandingan dengan ujian sebelum ini. Selain itu, pengkaji juga akan mengenal pasti masalah guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA kerana masalah ini menjadi faktor utama kepada penolakan terhadap pelaksanaan UASA serta membawa semula pelaksanaan pentaksiran tradisional di sekolah.

Seterusnya, hasil tinjauan literatur tentang pemansuhan UPSR dan pelaksanaan PBD dalam Bahasa Melayu turut dapat dilihat menerusi kajian Said dan Mohamad (2023), iaitu “Pemansuhan UPSR: Kesediaan Guru Bahasa Melayu Tahun Enam dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah”. Pada dasarnya, reka bentuk kajian ini berbentuk kajian kes dengan menggunakan instrumen seperti temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen bagi memperoleh data kualitatif. Dari segi persampelan pula, seramai dua orang guru Bahasa Melayu Tahun Enam di sebuah sekolah rendah daerah Tuaran, Sabah telah dipilih secara bertujuan sebagai sampel kajian temu bual separa berstruktur. Selain itu, pengkaji juga menggunakan catatan pemerhatian PdP dan menganalisis Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sebagai data sokongan.

Dari segi prosedur penganalisisan data pula, kajian ini menggunakan analisis tematik untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kesediaan informan terhadap pelaksanaan PBD. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa tahap pengetahuan informan bagi pelaksanaan PBD adalah pada tahap tinggi kerana mereka telah mengetahui kepentingan penyediaan dokumen standard PBD serta membudayakan amalan kolaboratif. Selain itu, tahap kesediaan informan bagi pelaksanaan PBD juga adalah pada tahap tinggi kerana mereka memiliki profesionalisme dalam bidang perguruan dan membuat perancangan sebelum PBD. Rangkumannya, dapatan ini juga menunjukkan guru Bahasa Melayu Tahun Enam mempunyai pengetahuan dan kesediaan yang tinggi dalam pelaksanaan PBD serta dapat menerima perubahan selepas pemansuhan UPSR.

Melalui dapatan tinjauan literatur tersebut, hal ini juga membuka peluang kepada pengkaji untuk membuat kajian lanjutan terhadap pelaksanaan UASA terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Dengan lebih terperinci, pengkaji akan menilai tahap perancangan guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA kerana mereka perlu merancang prosedur ujian dengan mengikut punca kuasa dan dokumen yang terlibat. Selain itu, pengkaji juga akan menilai tahap pelaksanaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA kerana mereka perlu sentiasa meningkatkan amalan profesionalisme dalam

bidang perguruan dan melaksanakan perubahan pentaksiran dengan mengikut perancangan yang ditetapkan

#### IV. METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan dengan mengaplikasikan kaedah campuran, iaitu hasil gabungan pendekatan kuantitatif sebagai data utama dan pendekatan kualitatif sebagai data sokongan. Bagi sampel kajian data kuantitatif, seramai 135 orang guru Bahasa Melayu Tahap Dua yang berkhidmat di 28 buah sekolah rendah sekitar daerah Kuching, Sarawak telah dipilih menerusi kaedah persampelan rawak mudah dengan berpandukan jadual saiz sampel Cohen (2001). Bagi sampel kajian data kualitatif pula, pengkaji telah memilih tiga orang guru Bahasa Melayu Tahap Dua di tiga buah sekolah rendah sekitar daerah Kuching, Sarawak menerusi kaedah persampelan bertujuan.

Bagi mendapatkan data kuantitatif, sebuah instrumen soal selidik telah dibina dengan menggunakan aplikasi Google Form yang terdiri daripada empat bahagian, iaitu Bahagian A (Maklumat Demografi Responden), Bahagian B (Tahap Perancangan dan Pelaksanaan), Bahagian C (Tahap Penerimaan) dan Bahagian D (Masalah). Dari segi binaan item, Bahagian B dan C mempunyai lima buah item serta diukur dengan menggunakan skala Likert lima mata. Setiap data tersebut dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif, iaitu melalui skor min dan sisisian piawai (SP) serta dinilai dengan berpandukan tahap interpretasi skor min Pallant (2013) seperti pada Jadual 1. Di samping itu, Bahagian D pula berbentuk soalan terbuka dan dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Bagi memperoleh data kualitatif pula, pengkaji telah membina sebuah instrumen temu bual separa berstruktur dengan mengikut item Bahagian B, C dan D.

JADUAL I: TAHAP INTERPRETASI SKOR MIN (PALLANT, 2013)

Skor Min	Tahap Interpretasi
1.00 – 1.33	Rendah
1.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Bagi meningkatkan tahap kebolehpercayaan instrumen soal selidik, pengkaji telah melaksanakan kajian rintis terhadap 10 orang guru Bahasa Melayu Tahap Dua di dua buah sekolah rendah sekitar daerah Kuching, Sarawak. Untuk itu, bilangan responden tersebut telah ditentukan dengan berdasarkan kenyataan Chua (2012), iaitu saiz sampel bagi kajian rintis adalah antara 10 hingga 30 orang responden. Data tersebut dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 20 dan nilai pekali *Alpha Chronbach* bagi kajian ini ialah 0.841, iaitu pada aras yang baik dengan berdasarkan pendapat George & Mallery (2003).

#### V. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

##### Maklumat Demografi Responden dan Informan

Jadual 2 menunjukkan data bagi Bahagian A, iaitu data demografi responden bagi instrumen soal selidik kajian ini. Dari segi jantina, majoriti responden adalah dalam kalangan perempuan seramai 93 orang (68.89%) berbanding dengan lelaki seramai 42 orang (31.11%). Dari segi umur pula, majoriti responden adalah daripada umur 50 tahun serta lebih seramai 92 orang (68.15%) dan minoriti responden adalah kurang daripada umur 30 tahun yang hanya seramai 5 orang sahaja (3.7%). Dari segi sekolah pula, majoriti responden adalah di SK M1 seramai 10 orang (7.41%) serta minoriti responden adalah di SK C1, SK G1, SK L1, SK S4 dan SK T1 yang hanya seramai dua orang sahaja (1.48%). Dari segi tempoh perkhidmatan pula, majoriti responden berkhidmat selama 20 tahun dan lebih seramai 99 orang (73.33%) serta minoriti responden berkhidmat kurang daripada 10 tahun yang hanya seramai 11 orang sahaja (8.15%). Dari segi murid yang diajar pula, majoriti responden mengajar Tahun 5 dan Tahun 6 seramai 68 orang (50.37%) dan minoriti responden mengajar Tahun 4 seramai 59 orang (43.7%).

##### JADUAL II: DATA DEMOGRAFI RESPONDEN SOAL SELIDIK

Bil.	Kategori	Jumlah	Peratus (%)
1.	Jantina	Lelaki Perempuan	42 93 68.89
2.	Umur	Kurang daripada 30 tahun 30 - 39 tahun 40 - 49 tahun 50 tahun dan lebih	5 16 22 92 3.7 11.85 16.3 68.15
3.	Sekolah	SK A1 SK B1 SK C1 SK D1 SK E1 SK G1 SK G2 SK J1 SK K1 SK L1 SK L2 SK M1 SK M2 SK M3 SK P1 SK R1 SK R2 SK R3 SK S1 SK S2 SK S3 SK S4 SK S5 SK S6 SK T1 SK T2 SK T3 SK T4	5 5 2 5 5 2 6 5 5 2 7 10 6 4 7 6 5 5 2 5 6 8 4 2 5 2 10 4 2 4 3 4 2 1.48 3.7 1.48 3.7 1.48 4.44 3.7 3.7 1.48 5.19 7.41 4.44 2.96 5.19 4.44 3.7 3.7 3.7 4.44 5.93 2.96 1.48 3.7 1.48 2.96 2.22 2.96

Bil.	Kategori	Jumlah	Peratus (%)	
4.	Tempoh Perkhidmatan	Kurang daripada 10 tahun 10 - 14 tahun 15 - 19 tahun 20 tahun dan lebih	11 13 12 99	8.15 9.63 8.89 73.33
5.	Murid yang Diajar	Tahun 4 Tahun 5 Tahun 6	59 68 68	43.7 50.37 50.37

Jadual 3 menunjukkan data demografi informan bagi instrumen temu bual kajian ini. Dari segi gred perjawatan, seramai dua orang guru bergred DG44 dan hanya seorang guru sahaja yang bergred DG52. Dari segi taraf pendidikan, seramai dua orang guru bertaraf pendidikan ijazah sarjana muda dan hanya seorang guru sahaja yang bertaraf pendidikan ijazah sarjana. Dari segi jawatan, setiap guru tersebut memegang jawatan sebagai ketua panitia Bahasa Melayu di sekolah.

#### JADUAL III: DATA DEMOGRAFI INFORMAN TEMU BUAL

Bil. Informan	Gred Perjawatan	Taraf Pendidikan	Jawatan
1.	Guru 1 DG44	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Melayu	Ketua Panitia Bahasa Melayu
2.	Guru 2 DG44	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu	Ketua Panitia Bahasa Melayu
3.	Guru 3 DG52	Ijazah Sarjana Pengajian Melayu	Ketua Panitia Bahasa Melayu

#### Tahap Perancangan dan Pelaksanaan UASA

Jadual 4 menunjukkan dapatan bagi Bahagian B, iaitu tahap perancangan dan pelaksanaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA. Kajian ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan kajian pertama, iaitu “Sejauh manakah tahap perancangan dan pelaksanaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA terutamanya dari segi penilaian proses?” Rumusannya, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa tahap perancangan dan pelaksanaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA adalah pada tahap tinggi dengan skor (Min = 4.37, SP = 0.59).

#### JADUAL IV: TAHP PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN GURU BAHASA MELAYU TAHAP DUA DALAM UASA

Bil.	Item	STS	TS	KP	S	SS	Min	SP	Tahap
Frekuensi (%)									
B1	Saya memastikan item UASA yang dibina berdasarkan jadual spesifikasi ujian yang	1 (0.74)	0 (0)	10 (7.41)	56 (41.48)	68 (50.37)	4.41	0.69	Tinggi

telah ditetapkan.
B2 Saya membuat pertimbangan profesional secara adil dan telus semasa memberikan tahap penguasaan murid.
<b>S</b>
<b>T</b>
<b>S</b>
<b>TS</b>
<b>KP</b>
<b>S</b>
<b>SS</b>
<b>Mi</b>
<b>n</b>
<b>SP</b>
<b>Tahap</b>
<b>Frekuensi (%)</b>
B3 Saya mem buat mod erasi pens kora n terha dap skrip jawa pan muri d secar a rawa k supa ya men epati pand uan pens kora n yang telah ditet apka n.
B4 Saya mere kod dan mem buat ulasa n terha dap taha p peng uasa an muri d secar a mem

bina  
dala  
m  
Siste  
m  
Peng  
urus  
an  
Pent  
aksir  
an  
Bers  
epad  
u.

B5	Saya mela ksan akan inter vensi selep as UAS A bagi mem bant u muri d yang men capai taha p peng uasa an yang rend ah.	1 ( 0 . 7 1 48) 93) 85) . 7 4 ) as UAS A bagi mem bant u muri d yang men capai taha p peng uasa an yang rend ah.	2 (1. 48) 93) 85) . 7 4 ) as UAS A bagi mem bant u muri d yang men capai taha p peng uasa an yang rend ah.	8 (5. 93) 85) . 7 4 ) as UAS A bagi mem bant u muri d yang men capai taha p peng uasa an yang rend ah.	70 (51. 85) . 7 9 ) as UAS A bagi mem bant u muri d yang men capai taha p peng uasa an yang rend ah.	54 (40 . 7 9 ) as UAS A bagi mem bant u muri d yang men capai taha p peng uasa an yang rend ah.	4.2 9 ) as UAS A bagi mem bant u muri d yang men capai taha p peng uasa an yang rend ah.	0.7 1 ) as UAS A bagi mem bant u muri d yang men capai taha p peng uasa an yang rend ah.	Ting gi ) as UAS A bagi mem bant u muri d yang men capai taha p peng uasa an yang rend ah.
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>						<b>4.3</b>	<b>0.5</b>	<b>Tin</b>
							<b>7</b>	<b>9</b>	<b>ggi</b>

Dengan lebih terperinci lagi, skor min yang tertinggi dalam Bahagian B ialah item ke-B2, iaitu "Saya membuat pertimbangan profesional secara adil dan telus semasa memberikan tahap penguasaan murid" dengan skor (Min = 4.5, SP = 0.63). Perkara ini juga menunjukkan bahawa majoriti responden kajian sememangnya dapat menentukan tahap penguasaan seseorang murid secara menyeluruh bagi sepanjang tempoh pembelajaran dengan mengambil kira keputusan daripada PBD dan UASA. Hal ini adalah kerana Kamaruddin dan Matore (2020) menyatakan bahawa guru perlu dapat membuat sesuatu keputusan secara tepat dan adil dengan berdasarkan pertimbangan profesional terhadap maklumat yang telah dicerap dan dianalisis supaya dapat memenuhi keperluan dan kecenderungan pembelajaran bagi setiap murid yang diajar.

Tambahan pula, hasil dapatan soal selidik tersebut juga sedikit bertentangan dengan respons yang telah diberikan oleh beberapa orang informan temu bual tentang tahap perancangan dan pelaksanaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua khususnya dari segi amalan pertimbangan profesional dalam penentuan tahap penguasaan murid seperti berikut:

*“Selepas pentaksiran pula, kami menerima skrip jawapan murid, membuat semakan, membuat analisis dan membuat moderasi selepas disemak untuk memastikan sama ada murid tersebut telah menguasai sepenuhnya kemahiran bahasa”.*

(TBG1:8)

*“Kami tak faham juga... Ketika kami key in markah, kami ada terbaca dalam KGM yang menyatakan murid yang dapat 20 markah dan ke atas sudah bagus. Jadi, kita percayalah dengan sistem pemarkahan macam itu sebab banyak guru kongsi benda itu. Apabila key in markah, murid yang dapat 20 markah daripada 50 markah itu rupanya mendapat TP3 dan bukannya TP4 dan TP5... Jadi, susah untuk menilai tahap murid’.*

(TBG2:24)

“Dalam kita menilai PBD ini, kita boleh katakan setiap hari bersama dengan murid. Jadi, kita tahu tahap pencapaian murid...Kita perlu garapkan murid itu supaya kita target mampu tak dia naikkan tahap penguasaannya...Untuk kita paksa dia pergi yang lebih tinggi, agak sukar untuk dicapai sebab tahap pemikiran dan kematangan berbeza”.

(TBG3:18)

Berdasarkan respons temu bual tersebut, informan 1, 2 dan 3 memberi pandangan begitu jelas tentang penerapan pertimbangan profesional dalam kalangan guru Bahasa Melayu Tahap Dua untuk mengesahkan tahap penguasaan murid. Menurut pendapat informan 1 dan 3, guru perlu membuat semakan terhadap skrip jawapan murid dengan mempertimbangkan prestasi harian, target yang ditetapkan serta tahap kematangan dan pemikiran setiap murid supaya tahap penguasaan mereka ditentukan dengan tepat. Menurut pendapat informan 2 pula, pertimbangan profesional guru agak terbatas kerana sistem pengisian markah UASA dalam talian yang akan menentukan tahap prestasi murid secara automatik serta berlainan dengan jangkaan guru.

## Tahap Penerimaan UASA

Jadual 5 menunjukkan dapatan bagi Bahagian C, iaitu tahap penerimaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA. Kajian ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan kajian kedua, iaitu "Sejauh manakah tahap penerimaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA terutamanya dari segi penilaian produk?" Rumusannya, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa tahap penerimaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA adalah pada tahap tinggi dengan skor (Min = 3.83, SP = 0.83).

## **JADUAL V: TAHAP PENERIMAAN GURU BAHASA MELAYU TAHAP DUA DALAM UASA**

C 1	Saya yakin bahwa wa pelaks anaan UAS A perlu diteru skan dan tidak perlu digant ikan denga n sebara ng penta ksiran sumat if yang lain sepert i UPSR .	13 (9. 63 ) 14 (10.3 7) .26 ) 26 (19. .26 ) 52 (38. .52 ) 30 (22. .22 ) 3. 5 2 2 Sede rhan a
--------	---	---

saya  
sebag  
ai  
seoran  
g guru  
Bahas  
a  
Melay  
u.

C 4	Saya yakin bahaw a pelaks anaan UAS A dapat memb erikan auton omi kepad a guru Bahas a Melay u dalam melak sanak an penta ksiran kepad a murid.	1 (0.7 4) 6 (4.4 4) 20 (14. 81) 70 (5 1.8 38 (2 8.1 4.0 5) 0. 2 8 2 ng gi
--------	--	---

B il	Item	STS	T S	KP	S	SS	Mi n	S P	Ta ha p	<b>Frekuensi (%)</b>
C 2	Saya yakin bahaw a pelaks anaan UAS A dapat mem ntap an pelaks anaan PBD Bahas a Melay u bagi menil ai murid secara holisti k.	3 (2.2 2) 8 (5.9 3) 23 (17. 04) 68 (5 0.3 4.4 7) 33 (2 4) 3.8 9 9 2 Ti ng gi								
C 3	Saya yakin bahaw a pelaks anaan UAS A tidak mem ebank an tugas	6 (4.4 4) 4 21 (15. 6) 66 (4 56) 38 (2 8.8 8.1 9) 3.9 3 9 8 Ti ng gi								

C 5	Saya yakin bahaw a pensk oran tahap pengu asaan merup akan cara yang terbai k untuk meng ukur penca paian kema hiran bahas a murid.	2 (1.4 8) 11 (8.1 5) 27 (20 9.6 67 4 28 0.7 3) 3.8 0. 9 1 ng gi
<b>Jumlah</b>		
<b>Keseluruhan</b>		
<b>3.83</b>		
<b>0.83</b>		
<b>Tinggi</b>		

Dengan lebih terperinci lagi, skor min yang terendah dalam Bahagian C ialah item ke-C1, iaitu "Saya yakin bahawa pelaksanaan UASA perlu diteruskan dan tidak perlu digantikan dengan sebarang pentaksiran sumatif yang lain seperti UPSR" dengan skor (Min = 3.53, SP = 1.22). Berlainan dengan item-item yang lain, nilai skor min bagi item ini adalah pada tahap sederhana dan

memiliki jurang perbezaan yang ketara kerana sebilangan besar responden berharap bahawa UPSR dapat dikembalikan semula sebagai satu pentaksiran sumatif secara berpusat dan menginginkan sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan. Hal ini turut dijelaskan oleh Maskan (2013) dengan menyatakan bahawa guru pada hari ini sangat sukar untuk membebaskan diri daripada konsep pentaksiran tradisional khususnya melalui pelaksanaan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun.

Tambahan pula, hasil dapatan soal selidik tersebut juga bertentangan dengan respons yang telah diberikan oleh beberapa orang informan temu bual tentang tahap penerimaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua terutamanya dari segi pengekalan dasar pelaksanaan UASA sebagai satu pentaksiran sumatif di sekolah seperti berikut:

*“Sudah pasti sebab ujian tersebut merupakan penanda aras ataupun kayu ukur untuk menguji tahap pencapaian murid dalam akademik”.*

(TBG1:12)

*“Saya memang menerima dan bersetuju dengan apa yang ditekankan oleh KPM dan PPD. Kami sentiasa menerima macam UPSR dan pembaharuan yang dilakukan. UASA ini kami memang sangat menerima sebab kesian dengan murid nak memohon mana-mana untuk ke sekolah menengah dan masih lemah dalam penulisan...Jadi, murid di dalam kelas dia tahu dan ada target sebab dulu mereka tak ada target...Jadi, semua mata pelajaran bagi saya penting untuk diadakan UASA sebagai pentaksiran sumatif”.*

(TBG2:32)

*“Bagi saya, bergantung kepada kehendak kerajaan itu sendiri. Kalau kerajaan kata kembali kepada UPSR, maka kita akan ikut dan kita kena akur...Jadi, murid itu menjawab seolah-olah macam dalam UPSR...Cara menjawab itu lebih kurang sama cuma kelebihan bentuk peperiksaan macam ini murid mempunyai peluang nak memohon ke sekolah yang terpilih. Berbanding dengan tahap pencapaian PBD, penilaian murid tidak sama”.*

(TBG3:32)

Berdasarkan respons temu bual tersebut, informan 1, 2 dan 3 memberi persepsi begitu jelas tentang perbandingan penerimaan dalam kalangan guru Bahasa Melayu Tahap Dua terhadap UPSR dan UASA sebagai sebuah pentaksiran sumatif di sekolah. Menerusi persepsi informan 1, 2 dan 3, guru sememangnya menyokong pembaharuan dalam sistem UASA yang diperkenalkan oleh pihak KPM sebagai sebuah pentaksiran sumatif yang standard bagi menggantikan UPSR kerana murid masih menjawab item seperti format UPSR serta guru sendiri diberikan tanggungjawab untuk mentaksir setiap murid. Selain itu, informan tersebut juga menambah bahawa pelaksanaan bentuk pentaksiran sumatif sememangnya perlu dilaksanakan di sekolah supaya dapat menguji tahap pencapaian akademik, memantapkan lagi penguasaan kemahiran bahasa, menggalakkan penetapan target dalam

pembelajaran dan memudahkan permohonan bagi melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah.

#### Masalah yang Dihadapi dalam UASA

Jadual 6 menunjukkan dapatan bagi Bahagian D, iaitu masalah guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA. Kajian ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan kajian ketiga, iaitu “Apakah masalah guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA?” Rumusannya, hasil dapatan kajian menunjukkan tiga tema tentang masalah guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA, iaitu dari segi sistem pelaksanaan, beban tugas guru dan motivasi murid.

**JADUAL VI: MASALAH GURU BAHASA MELAYU TAHAP DUA DALAM UASA**

Bil.	Tema	Subtema	Frekuensi
D1	Sistem Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masa ujian tidak mencukupi</li> <li>• Keputusan PBD dan UASA yang tidak sama</li> <li>• Mengembalikan sistem pendidikan berteraskan peperiksaan dan tidak memenuhi kriteria PBD</li> <li>• Hanya dimulai pada akhir tahun</li> <li>• Terhad kepada mata pelajaran tertentu</li> <li>• Penskoran tidak boleh ditafsir melalui tahap penguasaan</li> <li>• Skema jawapan kurang tepat dan tidak menyeluruh</li> <li>• Sistem pengisian tahap penguasaan dan markah tidak stabil</li> </ul>	9 3 1 1 1 1 1 1 1
D2	Beban Tugas Guru	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyediaan bahan mencetak</li> <li>• Beban tugas bertambah</li> <li>• Memberikan latihan persediaan UASA</li> <li>• Membuat penyelarasan</li> <li>• Membina item</li> <li>• Penyediaan bahan mencetak</li> </ul>	5 2 2 1 1 5
D3	Motivasi Murid	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kehadiran murid merosot</li> <li>• Tidak fokus dan serius dalam menjawab soalan</li> <li>• Kurang bersedia dan mengambil berat terhadap UASA</li> </ul>	13 6 4

Dengan lebih mendalam lagi, frekuensi subtema yang tertinggi dalam tema D1 ialah masa yang tidak mencukupi semasa menduduki ujian dengan skor ( $F = 9$ ). Berbanding dengan beberapa masalah yang lain dalam tema ini, majoriti responden kajian sememangnya mendapati bahawa masalah ini sering berlaku dalam kalangan murid kerana tiada perancangan masa yang baik serta sering memerlukan masa untuk berfikir dan menyelesaikan setiap item dalam tempoh yang telah diberikan. Walaupun banyak faktor yang boleh mempengaruhi masalah ini, namun Yazid et al. (2014) berpendapat bahawa guru perlulah memastikan peruntukan masa untuk sesuatu ujian sentiasa cukup agar 80% daripada murid mampu menjawab item dengan baik dan lengkap.

Tambahan pula, hasil dapatan soal selidik tersebut juga adalah seiring dengan respons yang telah diberikan oleh

beberapa orang informan temu bual tentang masalah guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA terutamanya dari segi peruntukan masa ujian yang tidak mencukupi bagi murid seperti berikut:

*"1 jam 15 minit memang pendek...Akhirnya, murid akan lambat dalam bahagian penulisan. Kalau boleh, masa menjawab 1 jam 30 minit macam itu...Tetapi, ada murid yang dah siap sebelum setengah jam dan hantar tetapi apa yang ditulisnya pun tidak tahu. Ada murid yang perlukan masa sebab mereka nak memikir dan cari isi-isi penting terutamanya bahagian penulisan...Dalam UPSR dulu, kita ada jarak-jarak masa tetapi kali ini disatukan semua kertas".*

(TBG2:52)

*"Kita ada tiga tahap murid. Kalau sudah tiga tahap, biasanya murid yang aras tinggi ada cukup masa. Murid aras lemah lebih cepat siap. Murid aras sederhana mungkin cukup masa dan mungkin tidak. Selalu berlaku masalah bagi murid aras sederhana. Bergantung kepada tahap pemahaman murid itu sendiri...Kalau bagi tiga jam, tetap sama. Jadi, tempoh itu mungkin boleh dipanjangkan sedikit sahaja".*

(TBG3:40)

Berdasarkan respons temu bual tersebut, informan 2 dan 3 secara jelas berpendapat tentang masalah masa ujian yang tidak mencukupi untuk murid. Menerusi persepsi informan 2 dan 3, masalah ini bergantung kepada tahap penguasaan seseorang murid kerana murid beraras tinggi akan mampu mengoptimalkan masa yang telah diperuntukan untuk menjawab item dengan lebih baik berbanding dengan murid beraras rendah dan sederhana. Selain itu, informan tersebut juga menyarankan perubahan masa bagi pentadbiran UASA Bahasa Melayu, iaitu dari 1 jam 15 minit ke 1 jam 30 minit kerana format ujian terkini telah menggabungkan bahagian pemahaman dan penulisan dalam satu kertas serta murid memerlukan banyak masa untuk berfikir dan mencari isi khususnya dalam bahagian penulisan.

Berikutnya, pengkaji juga mendapati frekuensi subtema yang tertinggi dalam tema D2 pula ialah guru perlu menyediakan bahan mencetak instrumen dengan skor ( $F = 5$ ). Berbanding dengan beberapa masalah yang lain dalam tema ini, responden kajian sememangnya melihat bahawa masalah ini sering berlaku dalam kalangan guru kerana mereka perlu menerima segala bentuk perubahan dalam sistem pendidikan negara melalui pemindahan akauntabiliti untuk mengelolakan UASA daripada pihak LPM kepada pihak sekolah. Perkara ini juga telah menjadi suatu bentuk bebanan kepada setiap guru kerana kos yang diperlukan untuk pelaksanaan pentaksiran pada peringkat sekolah lebih tinggi berbanding dengan pelaksanaan pentaksiran berpusat yang lebih sederhana (Payne, 2003).

Tambahan pula, hasil dapatan soal selidik tersebut juga sedikit bertentangan dengan respons yang telah diberikan oleh beberapa orang informan temu bual tentang masalah guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA

terutamanya dari segi penyediaan bahan percetakan instrumen seperti berikut:

*"Kalau berbanding dengan UPSR dulu, saya rasa yang sekarang ini lebih fleksibel lagi".*

(TBG1:16)

*"Biasanya, kita nak jadi cikgu ini kita kena berkorban semua. Bukan saja dari segi masa, wang ringgit pun berkorban...Beli pen, kertas, laptop, ink dan semua beli sendiri...Masih ada beban walaupun mereka kata sudah meringankan".*

(TBG2:54)

*"Dalam UASA, ada peruntukan untuk mencetak kertas soalan. Bagi saya, tak ada masalah sebab bukan kita perlu keluar kan duit sendiri...Tukang cetak bukan guru sebab ada orang tukang cetak. Kita hanya semak kertas itu ada tak berlaku kesilapan sebab kita boleh tulis ralat".*

(TBG3:48)

Berdasarkan respons temu bual tersebut, informan 1, 2 dan 3 memberikan pandangan begitu jelas tentang masalah penyediaan bahan percetakan instrumen dalam kalangan guru. Menurut informan 2, beban tugas dalam pentadbiran UASA sememangnya bertambah walaupun pembaharuan pendidikan telah dilakukan kerana guru perlu mengeluarkan wang simpanan untuk membeli bahan percetakan instrumen UASA seperti kertas, dakwat dan sebagainya. Menurut informan 1 dan 3 pula, beban tugas guru dalam pelaksanaan UASA telah berkurangan dan fleksibel jika dibandingkan dengan UPSR kerana pihak KPM menyediakan peruntukan kepada sekolah untuk proses mencetak dan memperbanyak instrumen UASA serta terdapat juga pihak luar yang diberikan tugas untuk mencetak instrumen UASA.

Selanjutnya, pengkaji juga mendapati frekuensi subtema yang tertinggi dalam tema D3 pula ialah kemerosotan kehadiran murid ketika UASA dengan skor ( $F = 13$ ). Berlainan dengan beberapa masalah yang lain dalam tema ini, kebanyakan responden kajian sememangnya melihat bahawa masalah ini sering berlaku dalam kalangan murid kerana mereka tidak lagi terikat dengan sebarang bentuk peperiksaan berpusat seperti UPSR serta kurang mengambil perhatian terhadap prestasi akademik sendiri. Situasi ini juga dijelaskan oleh Aping et al. (2022) yang berpendapat bidang pendidikan kini kian terjejas disebabkan penularan wabak COVID-19 sehingga telah menjadi satu cabaran besar kepada guru untuk meningkatkan lagi motivasi murid dalam pembelajaran.

Tambahan pula, hasil dapatan soal selidik tersebut juga adalah seiring dengan respons yang telah diberikan oleh beberapa orang informan temu bual tentang masalah guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA terutamanya dari segi kadar penurunan kehadiran murid ke sekolah semasa UASA seperti berikut:

*"Itu pun salah satu masalah sebab kurangnya motivasi murid pada peringkat sekolah. Apabila sudah naik*

*Tahap Dua, sepatutnya kita dah ada UASA... Mungkin mengambil masa sedikit untuk murid-murid menduduki UASA supaya mereka tahu bahawa UASA itu memang penting dan sebahagian daripada pentaksiran bilik darjah".*

(TBG1:18)

*"Kalau dari segi kehadiran, memang merosot... Kalau peperiksaan, kita ada bagi tempoh masa. Selepas itu, kita tak terima lagi sudah dan markahnya kosong. Kecuali, dia ada cuti sakit dan surat daripada doktor. Jadi, kita akan tunggu. Kalau murid yang biasa ponteng, kita tunggu masa itu untuk dia datang menduduki peperiksaan. Kalau dia tak datang, kita berbincang dengan Penolong Kanan 1 dan Penolong Kanan HEM".*

(TBG2:58)

Berdasarkan respons temu bual tersebut, informan 1 dan 2 berpandangan jelas tentang masalah kadar penurunan kehadiran murid ke sekolah semasa UASA berlangsung. Menerusi pandangan informan 1 dan 2, senario di sekolah menunjukkan bahawa kehadiran murid kian merosot kerana kekurangan motivasi serta perkara ini memerlukan usaha daripada guru untuk memberikan pendedahan kepada setiap murid tentang kepentingan UASA yang menjadi sebahagian daripada PBD. Menerusi pandangan informan 2-pula, guru perlu mematuhi prosedur pengendalian murid yang tidak menghadiri UASA dengan membenarkan mereka untuk menduduki ujian sepanjang tempoh yang telah ditetapkan, menjalani ujian selepas tempoh yang ditetapkan khususnya bagi murid yang memiliki surat pengesahan, berbincang dengan pihak pentadbir sekolah bagi murid yang ponteng dan memberikan markah kosong.

## VI. KESIMPULAN

Kesimpulannya, sistem pendidikan kini ingin berfokus kepada penjanaan sebuah pentaksiran secara holistik dan menyeluruh. Pada hari ini, UASA kian mendapat tempat dalam dunia pendidikan walaupun bentuk pentaksiran ini masih berada pada peringkat awal. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menunjukkan bahawa pelaksanaan UASA mampu menyumbang hasil dapatan yang cenderung ke arah positif dan relevan untuk diaplikasikan dalam amalan pentaksiran Bahasa Melayu masa kini. Hal ini disebabkan oleh tahap perancangan, pelaksanaan dan penerimaan guru Bahasa Melayu Tahap Dua dalam UASA adalah pada tahap yang tinggi. Walaupun begitu, guru Bahasa Melayu Tahap Dua perlulah sentiasa kompeten dalam mengaplikasikan amalan pentaksiran ini supaya mampu mengatasi perubahan dan pembaharuan pendidikan yang semakin mencabar.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, kajian ini memberikan beberapa implikasi yang sangat jelas kepada pihak yang berkaitan seperti pihak guru di sekolah. Hal ini adalah kerana guru di sekolah perlu lebih bersikap fleksibel serta mampu menyesuaikan diri seiring dengan perubahan pentaksiran yang berlaku pada hari ini

terutamanya dalam mempersiapkan diri dari segi perancangan, pelaksanaan dan penerimaan UASA. Tambahan pula, Abdullah et al. (2015) juga memberi pandangan bahawa hasil suatu transformasi pendidikan yang dilaksanakan bergantung kepada faktor pelaksana pentaksiran, iaitu guru di sekolah. Oleh sebab itu, kajian ini sememangnya adalah wajar untuk menjadi bahan rujukan utama dalam kalangan guru di sekolah rendah bagi beradaptasi dengan pelaksanaan UASA.

Selain itu, kajian ini memberikan beberapa implikasi yang sangat jelas kepada pihak KPM. Hal ini adalah kerana pihak KPM perlu lebih bersikap terbuka dan cakna terhadap setiap keperluan dan kehendak bagi memastikan hala tuju sistem pendidikan negara berada di landasan yang tepat dan seiring dengan tuntutan perubahan global terutamanya lebih cakna terhadap masalah yang berlaku dalam pelaksanaan UASA. Tambahan pula, Varatharaj (2015) juga melihat bahawa proses analisis dasar menjadi satu usaha penting oleh penggubal dasar bagi menilai semula keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut. Disebabkan itu, kajian ini sememangnya adalah wajar untuk menjadi bahan rujukan utama kepada pihak KPM bagi membuat penambahan sistem pelaksanaan UASA di sekolah.

## RUJUKAN

- Abdullah, N. (2012). Pelaksanaan pendekatan konstruktivisme dalam mata pelajaran Sains. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 2(1), 78-91.
- Abdullah, N., Noh, N. M., Mansor, R., Hashim, A. T. M., & Wong, K. T. (2015). Penilaian pelaksanaan pentaksiran berdasarkan sekolah (PBS) dalam kalangan guru Sains. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 5(1), 89-102.
- Aping, S. F., Rahim, M. A. A. A., & Izman, M. N. (2022). Sikap dan faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2), 102-117.
- Ariffin, J., & Arumugham, K. S. (2021). Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah: Satu tinjauan dalam kalangan guru besar. *Asian People Journal*, 4(2), 80-89.
- Balandam, J., & Jamaluddin, K. A. (2021). Isu dan cabaran dalam kemahiran membaca di kalangan murid sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 127-135.
- Chua, Y. P. (2012). *Mastering research methods*. McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Cohen, J. (1992). Quantitative methods in psychology: A power primer. *Psychological Bulletin*, 112(1), 155-159.
- George, S., & Mallory, L. (2003). Alfa de Cronbach y consistencia interna de los ítems de un instrumento de medida. *Revista de estudios Interdisciplinarios en Ciencias Sociales*, 3(16), 3-9.
- Hussin, A. Z. (2019). Model amalan pentaksiran formatif dalam kalangan guru-guru Kemahiran Hidup

- Bersepada [Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia]. UUM Institutional Repository.
- Kamaruddin, M., & Matore, M. E. E. M. (2020, Mac 14-16). *Kualiti pertimbangan profesional guru dan penerapan IB Learner Profile berdasarkan amalan pentaksiran dalam Middle Years Programme International Baccalaureate* [Kertas pembentangan]. Malaysia International Convention on Education Research & Management, Bangi Resort Hotel, Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022a). *Format instrumen pentaksiran dan pelaporan Ujian Akhir Sesi Akademik: Sekolah rendah Tahun 4, 5 dan 6*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022b). *Garis panduan pentadbiran Ujian Akhir Sesi Akademik*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lambri, A., & Mahamod, Z. (2015). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berpusatkan pelajar di institusi pengajian tinggi: Pelaksanaan dan penerimaan pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(1), 1-9.
- Maskan, N. (2013). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi mata pelajaran Sains di sekolah kebangsaan daerah Pontian, Johor* [Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia]. UTHM Institutional Repository.
- Nahar, N. A. (2020). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah jenis kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies*, 9(1), 107-123.
- Pallant, J. (2013). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS*. Open University Press.
- Payne, D. A. (2003). *Applied educational assessment*. Wadsworth Thomson Learning.
- Radi, A. (2023, Januari 19). Pelaksanaan UASA tiada dalam blueprint, dilihat gagalkan PBD. *Majoriti*. <https://majoriti.com.my/berita/2023/01/19/pelaksanaan-uasa-tiada-dalam-blueprint-dilihat-gagalkan-pbd>
- Rayment, T. (2016). *101 essential lists on assessment*. Continuum.
- Said, A., & Mohamad, W. M. R. W. (2023). Pemansuhan UPSR: Kesediaan guru Bahasa Melayu Tahun Enam dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 181-191.
- Sani, H. (2023, Januari 16). Guru terpaksa mengajar secara "touch n go" demi jayakan Ujian Akhir Sesi Akademik. *The Merdeka Times*. <https://themerdekentimes.com/news/2023/01/guru-terpaksa-mengajar-sekara-touch-n-go-demi-jayakan-ujian-akhir-sesi-akademik/>
- Stufflebeam, D. L. (1971). The relevance of the CIPP evaluation model for educational accountability. *Journal of Research and Development in Education*, 5(1), 19-25.
- Varatharaj, R. K. (2015). autonomi guru dan amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum standard sekolah rendah (KSSR) di sekolah kluster [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia]. Repository@USM.
- Vello, A., & Hashim, R. A. *Teori ujian dan pentaksiran pendidikan*. Penerbit UUM.
- Yazid, A. S. M., Chik, M. R., Muda, W. M. W., Mohamed, R., Nawi, P. M., & Hassan M. N. (2014). *Modul Sains pendidikan rendah SCE 3113: Pentaksiran dalam pengajaran Sains*. Institut Pendidikan Guru.